

26/03/2015 - Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-33

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,

Yang Dihormati Saudara Pengerusi Majlis,

YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah, Yang Di Pertua PUSPANITA,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

YBhg. Tan Sri Haji Shukry Mohd Salleh

Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri,

Yang Dikasihi **Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian Dan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri** merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan,

Pengerusi-Pengerusi Cawangan Kementerian dan Negeri,

Ahli-Ahli PUSPANITA dari semua Cawangan Kementerian dan Negeri,

YBhg. Tan Sri- Tan Sri, Puan Sri - Puan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Datin Sri - Datin Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, izinkan saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah subhanahuwatalla kerana dengan izin dan limpah kurnia serta

rahmatNya jua, dapat kita berhimpun di dewan yang indah ini sempena **Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke-33**.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah selaku Yang Di-Pertua PUSPANITA dan seluruh Ahli Jawatankuasanya** kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kali Ke-33.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seringkali apabila saya dijemput untuk merasmikan program PUSPANITA seperti Persidangan Tahunan PUSPANITA, saya selalu menekankan bahawa **golongan wanita merupakan 'strategic partner'** dalam pembangunan negara dan mampu menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemakmuran negara. Statistik menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia adalah 52.4% pada tahun 2013, berbanding 49.5% pada tahun 2012. Kadar ini disasar untuk meningkat kepada 55% pada tahun 2015.

4. Justeru itu, saya menyeru supaya PUSPANITA mengorak langkah dan melaksanakan amanah yang diberikan untuk memartabatkan peranan serta sumbangan wanita dalam pembangunan Negara. Dalam masa yang sama, saya meminta agar **PUSPANITA berani melakukan transformasi dengan melaksanakan program-program di luar jangkauan dan dalam masa yang sama memperjelaskan dasar serta hasrat Kerajaan kepada ahli-ahli PUSPANITA dan masyarakat.**

5. Dalam masa beberapa tahun ini, saya melihat PUSPANITA melakukan transformasi secara besar-besaran dengan melaksanakan pelbagai program yang

memberi manfaat bukan sahaja kepada ahli PUSPANITA tetapi juga masyarakat. Sesungguhnya, **PUSPANITA merupakan Rakan Perkhidmatan Awam** yang baik. **Syabas dan tahniah** saya ucapkan kepada ahli-ahli PUSPANITA di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah, Yang Di-Pertua PUSPANITA kerana melakukan perubahan ini demi kebaikan masyarakat setempat dan negara, bak kata-kata YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak, "Be bold and daring, to break new ground and do things differently".

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kita semakin hampir menuju ke tahun 2020, tempoh yang telah ditetapkan untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Pelbagai cabaran ditempuhi dalam merealisasikan hasrat ini. Walau bagaimanapun, saya percaya Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia sentiasa **mengutamakan rakyat dalam segenap perkara**. Ini **bersesuaian** dengan **objektif Program Transformasi Kerajaan** yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2010 dan disusuli dengan **penekanan ke atas *People Economy* atau Ekonomi Keperluan Rakyat** dalam pembentangan Bajet 2015. Pendek kata, **pertumbuhan ekonomi negara perlu diterjemahkan kepada pengukuhan kemudahan asas rakyat** atau menerusi **penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik** demi memberikan impak secara langsung kepada rakyat.

7. Sesungguhnya Kerajaan pada hari ini mendengar keluhan rakyat daripada peringkat akar umbi. Faktor-faktor semasa seperti **kenaikan harga barangan** diambil perhatian serius oleh Kerajaan. Bagi mengurangkan beban rakyat, Kerajaan telah **melaksanakan pelbagai inisiatif seperti melaksanakan pemantauan harga barangan dan penetapan harga siling** yang bertujuan untuk memastikan tiada peniaga yang menaikkan harga barangan sesuka hati.

Komitmen Kerajaan ini dizahirkan melalui pelancaran pelbagai usaha dan inisiatif dalam usaha meringankan beban rakyat dan mengurangkan kos sara hidup.

8. Ahli-ahli PUSPANITA boleh memainkan peranan membantu Kerajaan menjayakan dasar-dasar dan usaha-usaha ini disamping menangani peningkatan kos sara hidup dengan **mengamalkan perbelanjaan berhemah dan juga mengamalkan tips membeli belah seperti membuat perbandingan harga dan penilaian sesuatu barangan sebelum membuat keputusan membeli**. Selain itu, ahli-ahli PUSPANITA juga boleh menjadi **agen Kerajaan dengan melaporkan kepada pihak berwajib mana-mana peniaga yang mengenakan harga yang tinggi dan tidak munasabah ke atas barangan jualan** mereka. Peranan yang dimainkan ini bukan sahaja dapat membantu pihak Kerajaan, tetapi membantu masyarakat itu sendiri supaya rakyat tidak terbeban dan dapat hidup dalam keadaan sejahtera.

9. Dalam hal ini, saya perhatikan PUSPANITA begitu peka dan sudahpun menjalankan beberapa program meningkatkan kesedaran pengguna, khususnya melalui taklimat **GST PUSPANITA yang telah diadakan** di seluruh negara melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS yang memperlihatkan kerjasama jitu di antara agensi-agensi Kerajaan. Saya berharap program-program ini akan terus dilaksanakan dengan jayanya.

10. Saya melihat **PUSPANITA juga dapat berperanan untuk mengukuhkan perpaduan dan keharmonian di negara kita yang tercinta ini**. Justeru itu, saya ingin menggesa agar lebih banyak **program bersifat *community-building*** dapat dilaksanakan oleh PUSPANITA yang meliputi semua kaum supaya jalinan kemesraan dan semangat 1Malaysia dapat diterapkan dan dihayati bersama. Selain itu, pemupukan budaya cintakan negara, saling bertoleransi dan bekerjasama perlu diamalkan dan dihebahkan oleh semua ahli PUSPANITA.

11. Salah satu aktiviti PUSPANITA yang secara tidak langsung dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda kita adalah hasil **kerjasama PUSPANITA dan PERMATA**, iaitu menerusi pelaksanaan modul PERMATA di kementerian-kementerian. Di antara kementerian yang telah memulakan modul PERMATA adalah Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Kesihatan Malaysia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Tahniah kepada PUSPANITA dan PERMATA di atas usaha ini.

12. Di samping itu, saya ambil maklum sebagaimana perbincangan antara saya dengan Yang Di-Pertua PUSPANITA, bahawa isu-isu berkaitan gejala sosial remaja telah pun diambil perhatian dan aktiviti-aktiviti penghebahan dasar-dasar penting Kerajaan akan terus diterajui melalui aktiviti-aktiviti anjuran PUSPANITA Kebangsaan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. PUSPANITA kini semakin dikenali dan terserlah di kalangan masyarakat kerana usaha-usaha yang dijalankan dalam membantu masyarakat melalui ibupejabat dan juga 37 Cawangan PUSPANITA di seluruh negara. Saya difahamkan **yang PUSPANITA menganjurkan lebih daripada 400 program yang memberi manfaat bukan sahaja kepada ahli-ahli PUSPANITA, tetapi juga kepada masyarakat secara amnya sepanjang tahun 2014**. Antara program yang dilaksanakan ialah Seminar Tahunan Kesihatan PUSPANITA, Kursus Dasar Awam PUSPANITA, Kursus Penulisan Kertas Jemaah Menteri, Bengkel Pendidikan dan juga kelas mingguan seperti kelas English, Senam Tari dan juga kelas tuisyen aliran sains untuk Tingkatan 5. Saya difahamkan **semua seminar, bengkel dan kelas** dianjurkan oleh PUSPANITA adalah **percuma dan terbuka kepada semua** termasuk kepada bukan ahli. Tahniah diucapkan kepada PUSPANITA atas usaha murni ini.

14. Pada hari ini, **Buletin Khas “PUSPANITA Mendepani Cabaran”** yang memaparkan perjalanan transformasi PUSPANITA mulai tahun 2012 sehingga 2014 akan **dilancarkan**. Penerbitan yang memaparkan pencapaian dan peristiwa penting yang berlaku sepanjang dua tahun ini merupakan **manifestasi penghargaan dan pengiktirafan** terhadap segala usaha dan penat lelah yang telah dicurahkan oleh ahli PUSPANITA di dalam melestarikan budaya sukarelawan di kalangan mereka. Syabas diucapkan dan diharapkan usaha-usaha sebegini dapat diteruskan supaya catatan realiti ini dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

15. Saya pasti PUSPANITA kini semakin dikenali dan menjadi sebutan di kalangan masyarakat atas usaha gigih semua ahli PUSPANITA di seluruh negara dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada masyarakat. **Pencapaian PUSPANITA** hari ini **serta jalinan ‘networking’ sedia ada** menjadikan PUSPANITA sebagai satu **‘role model’** kepada persatuan-persatuan dan badan bukan kerajaan lain.

16. Banyak program PUSPANITA telah dilaksanakan dengan usahasama Kementerian dan Agensi baik di peringkat Pusat ataupun di peringkat Negeri. Ini selari dengan NBOS, di mana jalinan kerjasama ini bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan tetapi juga membantu meningkatkan masa pelaksanaan demi membawa impak yang bermakna kepada masyarakat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. Saya berharap agar PUSPANITA akan terus memainkan peranan sebagai **Rakan Perkhidmatan Awam** dan membantu masyarakat melalui program-program yang akan dilaksanakan oleh PUSPANITA. Ahli-ahli PUSPANITA juga perlu terus memberi sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi

dalam menjayakan program PUSPANITA supaya PUSPANITA terus menjadi sebuah persatuan yang unggul dan berwibawa di Malaysia. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada **Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan, atas bantuan dan komitmen yang diberikan kepada aktiviti-aktiviti PUSPANITA. Saya berharap Penasihat-Penasihat PUSPANITA dapat menggalakkan lebih ramai penjawat awam wanita serta isteri kepada penjawat awam lelaki untuk menyertai PUSPANITA dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.**

18. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada PUSPANITA yang sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kali Ke-33 ini. Selaku Penasihat, saya sentiasa mendoakan agar PUSPANITA sentiasa cemerlang dan terbilang.

Dengan kalimat suci dan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya **merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kali Ke-33.**

Sekian, *Wabillahittaufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*